

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN THE HARVARD BUSINESS SCHOOL  
ALUMNI CLUB OF MALAYSIA

TEMPAT: GENTING HIGHLANDS

TARIKH: 28 JUL 1984

MASA:

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Rashdan Baba,  
Presiden Kelab Alumni Harvard Malaysia;  
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kelab Harvard Alumni yang telah sudi menjemput saya ke majlis jamuan makan malam ini. Saya tidak bercadang untuk bercakap dengan panjang lebar, tetapi sudah menjadi kebiasaan bahawa apabila seseorang itu dijemput ke sesuatu majlis maka ia kenalah menyampaikan sepatah dua kata.

2. Kini Kerajaan telah memperkenalkan beberapa dasar bagi menggalakan lagi pertumbuhan ekonomi di negara kita ini. Dalam usaha ini kita telah mengadakan berbagai insentif dan dasar seperti Dasar Persyarikatan Malaysia dan Penswastaan. Sebenarnya Malaysia adalah salah sebuah negara yang telah mengadakan berbagai insentif kepada pelabur-pelabur untuk melabur di negara ini. Bahawa dasar-dasar ini adalah praktik dan mendatangkan hasil terbukti dengan terdapatnya para pelabur asing yang datang ke negara ini. Di samping itu juga, galakan-galakan ini telah meningkatkan lagi kemajuan ekonomi negara kita dan juga taraf hidup rakyat.

3. Tetapi seperti mana kita maklum galakan dan peraturan-peraturan hanya merupakan sebahagian daripada usaha-usaha sesebuah negara dalam meningkatkan kemajuan ekonomi dan perdagangannya. Pada dasarnya peraturan dan galakan diadakan sebagai panduan supaya sesuatu itu dapat dijalankan secara licin, teratur dan berkesan. Peraturan semata-mata tidak dapat menentu atau menjaminkan kejayaan sesuatu rancangan atau projek itu. Ia juga tidak dapat menentukan bahawa sesebuah negara itu akan maju dan makmur. Apa yang lebih penting ialah kesanggupan para pekerja untuk bekerja dengan tekun, kuat, bersungguh-sungguh dan dengan penuh dedikasi bagi mencapai kejayaan. Tidak ada jalan pendek atau 'short-cut' dalam usaha mencapai kejayaan. Dalam apa juga bidang, untuk mencapai sesuatu matlamat dengan jayanya memerlukan titik peluh, dedikasi, tanggungjawab, amanah dan kesanggupan mengorbankan kepentingan individu untuk kepentingan ramai.

4. Nilai-nilai yang saya sebutkan ini bukanlah satu nilai yang baru. Kita semua tahu akannya. Saya tegaskan ini

berkali-kali oleh kerana kita mudah lupa. Memang seakan-akan sudah menjadi satu kebiasaan kepada kita di negara ini bahawa apabila ingin membuat sesuatu kita meminta pertolongan dan perlindungan dahulu. Ahli-ahli perniagaan kita ada kalanya meminta perlindungan sebelum sanggup menerokai sesuatu perniagaan atau perindustrian. Tanpa pertolongan dan perlindungan mereka tidak sanggup. Inilah amalan negatif yang telah kita amalkan sejak beberapa lama dan akibatnya ialah kita ketinggalan.

5. Memang benar jika dilihat daripada aspek-aspek yang tertentu kita telah mencapai beberapa kejayaan. Kita telah dapat membuat itu dan ini dan kita juga telah mendapat keuntungan. Tetapi apabila menghadapi persaingan, barulah kita mengetahui sejauh manakah sebenarnya kejayaan kita itu. Apabila mendapat persaingan yang hebat dari luar, maka akan terdengarlah teriakkan daripada pihak-pihak tertentu meminta Kerajaan membuat sesuatu bagi menolong mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Pada hemat saya, kita mesti membaharui sikap iaitu sikap untuk berdikari, sikap untuk meningkatkan dayausaha dan daya pengeluaran supaya kita benar-benar cekap dan produktif bagi menyaingi para pengusaha dari negara-negara lain. Jika kita masih mengamalkan sikap-sikap yang negatif selagi itulah kita akan menjadi pengusaha yang mencapai kejayaan secara terhad atau 'limited success'. Kita mesti meninggikan daya pengeluaran kita supaya barang-barang pengeluaran kita bukan sahaja baik tetapi juga bermutu tinggi. Kita juga harus bertanya kepada diri kita bagaimanakah pengusaha-pengusaha di negara lain telah mencapai kejayaan. Mereka, seperti juga ahli-ahli perniagaan kita, menghadapi berbagai cabaran dan kesulitan tetapi telah dapat mengatasinya. Soalnya sekarang ialah bagaimanakah mereka memperolehi kejayaan sedangkan kita tidak? Jawapannya agak mudah. Mereka berjaya kerana mereka sanggup bekerja lebih kuat daripada kita. Mereka berjaya bukan kerana mereka mempunyai lebih insentif daripada kita. Mereka maju kerana mereka mempunyai sedikit kelebihan daripada kita, dan kelebihan itu ialah kesanggupan untuk bekerja kuat.

7. Jelaslah bahawa jika kita ingin maju kita hendaklah meninggikan lagi prestasi kita dan bergerak sebagai satu pasukan selaras dengan Dasar Persyarikatan Malaysia. Kita juga seharusnya bersama-sama berkongsi pengalaman serta idea baru bagi kepentingan ramai. Kita juga hendaklah melipat-gandakan usaha penyelidekan, bukan sahaja dalam bidang di mana kita mempunyai kebolehan dan pengalaman, tetapi juga dalam bidang-bidang baru yang masih belum kita terokai. Saya percaya sekiranya kita benar-benar berusaha dengan tekun dan tabah hati, kita akan dapat mencapai kejayaan yang lebih lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Saya percaya Kelab Alumni Harvard ini mempunyai peranan dalam menjayakan dasar-dasar yang telah saya sebutkan tadi. Ahli-ahli Kelab Alumni Harvard ini terdiri daripada mereka yang bertugas dengan Kerajaan dan juga swasta. Saudara-saudari sekalian mempunyai banyak persamaan dan telah bergaul mesra dalam menjalankan tugas masing-masing. Setiap kita termasuklah saudara-saudari yang ada disini, serta juga para usahawan, kakitangan kerajaan dan swasta dan individu-individu mempunyai tanggungjawab tertentu bagi menjayakan dasar-dasar ini agar Malaysia akan menjadi lebih bersatu, maju dan makmur.

9. Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi menjemput saya dan isteri saya ke majlis ini.